JOURNAL OF CREATIVE INDUSTRY AND SUSTAINABLE CULTURE

https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jcisc

How to cite this article:
Che Ya, M. S., Mohamad, S. A., & Mohamed Yusof, S. A., (2026). Reka Letak Permukaan Kain Batik Kontemporari: Satu Kajian Awal Berasaskan Analisis Visual Terhadap Empat Sampel Kain Pasang. *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture,* 5, 79-94. https://doi.org/10.32890/jcisc2026.5.5

REKA LETAK PERMUKAAN KAIN BATIK KONTEMPORARI: SATU KAJIAN AWAL BERASASKAN ANALISIS VISUAL TERHADAP EMPAT SAMPEL KAIN PASANG

CONTEMPORARY BATIK FABRIC SURFACE LAYOUT: A PRELIMINARY STUDY BASED ON VISUAL ANALYSIS OF FOUR SARONG FABRIC SAMPLES

[1]Mohamad Shukri Che Ya, [2]Sharih Ahmad Mohamad, [3]Shahrul Anuwar Mohamed Yusof

[1,2,3]Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia [1]Kolej Komuniti Temerloh, 28400 Mentakab, Pahang, Malaysia.

[2]Corresponding author: sharihahmad@unisza.edu.my

Received: 31/7/2026 Revised: 2/10/2026 Accepted: 16/10/2026 Published: 31/10/2026

ABSTRACT

Batik is a textile heritage that holds aesthetic, cultural and visual identity values within Malaysia's creative industry. The uniqueness of batik fabric is not only determined by its motifs, colours and production techniques, but also by its surface layout, which arranges motifs, space, direction and visual flow on the fabric. This preliminary qualitative study examines the surface layout of four contemporary batik fabric samples selected purposively for variation in motif arrangement, visual composition and spatial organisation. The samples comprise kain pasang batik, with a selection criterion of approximately four metres in length. A visual observation checklist guided the descriptive visual analysis and cross-sample comparison. The findings identify five aspects: motif arrangement, visual balance, positive and negative space, pattern direction and visual flow, and potential application in garment design. S1 and S4 show motifs concentrated in the lower section and corners with extensive background space, whereas S2 features a floral border along the lower section. S3 displays a repetitive pattern across almost the entire fabric surface, with a patterned border along the lower section. In practice, examining motif placement, space and direction together can help batik and fashion designers consider how a fabric might be used in garment development. The same aspects can support discussion in textile design education. The study contributes a preliminary approach to analysing relationships across the fabric surface, alongside the more familiar examination of motifs, colours and production

techniques. Garment suitability was not tested, and findings from four samples cannot be generalised to contemporary batik fabrics as a whole.

Keywords: Batik, motif arrangement, surface layout, textile design, visual composition.

ABSTRAK

Batik ialah warisan tekstil yang mempunyai nilai estetik, budaya dan identiti visual dalam industri kreatif Malaysia. Keunikan kain batik bukan sahaja ditentukan oleh motif, warna dan teknik penghasilan, tetapi juga oleh reka letak permukaan yang menyusun motif, ruang, arah dan aliran visual pada kain. Kajian ini bertujuan mengenal pasti ciri awal reka letak permukaan kain batik kontemporari di Malaysia melalui pemerhatian visual. Kajian kualitatif awal ini meneliti reka letak permukaan empat sampel kain pasang batik kontemporari yang dipilih secara bertujuan berdasarkan variasi susunan motif, komposisi visual dan organisasi ruang. Panjang sekitar empat meter digunakan sebagai kriteria pemilihan sampel. Senarai semak pemerhatian visual digunakan untuk memandu analisis visual deskriptif dan perbandingan antara sampel. Dapatan mengenal pasti lima aspek, iaitu susunan motif, keseimbangan visual, ruang positif dan negatif, arah corak serta aliran visual, dan potensi aplikasi dalam reka bentuk pakaian. S1 dan S4 memperlihatkan motif tertumpu pada bahagian bawah dan penjuru dengan ruang latar yang luas, manakala S2 menampilkan sempadan flora pada bahagian bawah. S3 pula menunjukkan corak berulang pada hampir keseluruhan permukaan kain dengan sempadan bermotif pada bahagian bawah. Dari segi amalan, penelitian terhadap kedudukan motif, ruang dan arah corak dapat membantu pereka batik serta pereka fesyen mempertimbangkan penggunaan kain dalam pembangunan pakaian. Aspek tersebut juga boleh digunakan sebagai bahan perbincangan dalam pendidikan reka bentuk tekstil. Sumbangan awal kajian ini ialah pendekatan untuk menganalisis hubungan elemen visual pada keseluruhan permukaan kain di samping penelitian terhadap motif, warna dan teknik penghasilan. Kesesuaian kain pada pakaian siap tidak diuji dan dapatan empat sampel ini tidak boleh digeneralisasikan.

Kata Kunci: Batik; komposisi visual, reka bentuk tekstil, reka letak permukaan, susunan motif

PENGENALAN

Batik merupakan salah satu seni tekstil yang mempunyai kedudukan penting dalam warisan budaya dan industri kreatif di Malaysia. Keistimewaan batik dapat dilihat melalui penggunaan motif, warna, teknik penghasilan serta gaya visual yang tersendiri. Dalam konteks reka bentuk, kain batik bukan sahaja berfungsi sebagai bahan tekstil, malah menjadi medium visual yang membawa nilai identiti budaya, ekspresi estetik dan potensi inovasi. Kajian tentang batik Malaysia turut menegaskan bahawa batik berperanan dalam pemeliharaan identiti budaya serta perkembangan industri kreatif tempatan (Shaharuddin et al., 2021).

Secara umum, kain batik sering dinilai berdasarkan keindahan motif, kombinasi warna dan kehalusan teknik penghasilan. Walau bagaimanapun, dalam bidang reka bentuk tekstil, keindahan kain batik tidak hanya bergantung kepada motif secara berasingan. Nilai visual kain batik turut dipengaruhi oleh cara motif disusun, bagaimana ruang digunakan, bagaimana arah corak dibentuk, serta bagaimana motif utama dan motif sokongan berinteraksi dalam keseluruhan permukaan kain. Reka letak permukaan menjadi unsur penting kerana ia membentuk struktur visual yang menentukan cara kain dibaca dan difahami oleh pemerhati.

Reka letak permukaan dalam artikel ini merujuk kepada susunan elemen visual seperti motif, corak, warna, arah, skala, pengulangan dan ruang pada permukaan kain. Dalam konteks batik, reka letak

permukaan menentukan cara motif dibaca secara visual, sama ada dalam bentuk kain pasang, kain bermeter, kain sarung atau kain yang berpotensi digunakan dalam reka bentuk pakaian dan produk tekstil. Prinsip reka bentuk seperti imbangan, ritma, pengulangan, kesatuan dan penegasan dapat membantu menjelaskan bagaimana sesuatu permukaan kain membentuk komposisi visual yang harmoni (Lidwell et al., 2023).

Dalam perkembangan reka bentuk kontemporari, kain batik semakin digunakan dalam pelbagai rekaan pakaian, aksesori, hiasan dalaman dan produk gaya hidup. Keadaan ini menunjukkan bahawa reka letak permukaan kain batik perlu difahami bukan sahaja sebagai hiasan pada kain, tetapi sebagai struktur visual yang mempengaruhi kebolehgunaan kain dalam reka bentuk lanjutan. Kain batik yang mempunyai reka letak permukaan yang terancang berpotensi memberi fleksibiliti kepada pereka untuk mengaplikasikannya dalam pelbagai bentuk produk, khususnya reka bentuk pakaian kontemporari.

Kajian tentang batik telah membincangkan motif, simbolisme, warna dan teknik penghasilan (Abdullah et al., 2019; Shaharuddin et al., 2021; Wahed et al., 2022). Walau bagaimanapun, perhatian terhadap unsur tersebut sahaja tidak menerangkan bagaimana motif ditempatkan, bagaimana ruang bermotif dan ruang latar dihubungkan, serta bagaimana arah corak membentuk reka letak pada keseluruhan kain pasang. Oleh itu, masalah yang ditangani dalam kajian ini ialah keperluan menghuraikan hubungan elemen visual tersebut secara sistematik pada peringkat permukaan kain.

Kepentingan masalah ini turut dapat dilihat dalam konteks reka bentuk pakaian. Kajian terdahulu membincangkan kemungkinan motif kelihatan terpotong, tidak bersambung atau tidak seimbang selepas pemotongan dan jahitan, di samping isu penggunaan fabrik (Che Ya et al., 2023). Namun, kajian semasa tidak menilai pakaian siap atau mengukur lebihan kain. Jurang khusus yang ditangani ialah analisis awal reka letak pada keseluruhan kain pasang sebelum hubungan reka letak tersebut dengan pola pakaian diuji. Empat sampel digunakan untuk membandingkan ciri susunan motif, organisasi ruang dan aliran visual; dapatan kajian tidak bertujuan mewakili semua kain batik kontemporari.

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai tiga objektif: (i) menghuraikan susunan motif pada empat sampel kain pasang batik kontemporari; (ii) menganalisis komposisi visual, organisasi ruang positif dan negatif, arah corak serta aliran visual pada sampel tersebut; dan (iii) mengenal pasti implikasi reka letak permukaan kain batik terhadap aplikasi pakaian.

ULASAN LITERATUR

Batik sebagai Reka Bentuk Permukaan Tekstil

Batik boleh dilihat sebagai satu bentuk reka bentuk permukaan tekstil kerana elemen visual seperti motif, warna, garisan, ruang dan corak dihasilkan pada permukaan kain. Sebagai reka bentuk permukaan, batik bukan sahaja dinilai berdasarkan motif yang digunakan, tetapi juga berdasarkan susunan motif, keseimbangan komposisi, organisasi ruang dan kesatuan keseluruhan permukaan kain. Kajian berkaitan batik kontemporari menunjukkan bahawa unsur estetik, motif dan inovasi visual memainkan peranan penting dalam penghasilan rekaan batik yang relevan dengan konteks semasa (Abdullah et al., 2019; Poon, 2020).

Dalam konteks reka bentuk tekstil, permukaan kain menjadi ruang utama untuk menyusun elemen visual (Che Ya et al., 2022). Motif utama, motif sokongan, latar, arah corak dan penggunaan warna saling berhubung bagi membentuk identiti visual kain. Oleh itu, kain batik perlu difahami bukan sekadar sebagai kain bercorak, tetapi sebagai satu susunan visual yang mempunyai struktur dan fungsi reka bentuk. Pemahaman ini penting kerana kain batik sering digunakan sebagai asas reka bentuk

pakaian, dan susunan pada permukaan kain akan mempengaruhi potensi penggunaannya dalam produk akhir.

Reka Letak Permukaan Batik

Reka letak permukaan kain batik merujuk kepada cara motif, corak, warna, ruang dan arah visual disusun pada permukaan kain. Reka letak ini boleh hadir dalam pelbagai bentuk seperti susunan berulang, bertabur, berpusat, bersempadan, simetri, asimetri atau bebas. Setiap bentuk susunan menghasilkan kesan visual yang berbeza terhadap permukaan kain. Sebagai contoh, susunan berulang menghasilkan ritma yang stabil, manakala susunan bebas atau asimetri boleh memberi kesan dinamik dan kontemporari.

Dalam konteks kain batik kontemporari, reka letak permukaan memainkan peranan penting kerana ia menentukan cara kain dilihat secara keseluruhan (Wahed et al., 2022). Motif yang menarik belum tentu menghasilkan reka bentuk kain yang baik sekiranya kedudukan motif, ruang kosong, arah corak dan hubungan antara elemen visual tidak disusun secara harmoni (Russell, 2021). Justeru, analisis reka letak permukaan perlu meneliti hubungan antara motif utama, motif sokongan, ruang positif, ruang negatif, skala dan arah corak.

Komposisi Visual dalam Reka Letak Kain Batik

Komposisi visual merujuk kepada penyusunan elemen reka bentuk bagi menghasilkan keseimbangan, harmoni, penegasan, ritma dan kesatuan. Dalam kain batik, komposisi visual melibatkan hubungan antara motif utama, motif sokongan, warna, skala motif, ruang dan arah corak. Komposisi visual yang baik membolehkan motif utama dikenal pasti dengan jelas, manakala motif sokongan dan latar membantu menguatkan keseluruhan reka bentuk (Russell, 2021). Sebaliknya, komposisi yang kurang seimbang boleh menyebabkan kain kelihatan terlalu padat, kosong, kurang berfokus atau kurang harmoni.

Kajian reka bentuk visual menunjukkan bahawa struktur susunan elemen pada permukaan visual mempengaruhi cara makna dan pengalaman visual terbentuk (Kress & van Leeuwen, 2021; Che Ya et al., 2022). Dalam konteks kain batik, struktur visual ini dapat dilihat melalui penggunaan imbangan, penegasan, pengulangan, ritma dan ruang. Oleh itu, komposisi visual merupakan satu dimensi penting dalam pemerhatian terhadap reka letak permukaan kain batik.

Organisasi Ruang Positif dan Negatif

Organisasi ruang merupakan aspek penting dalam reka letak permukaan kain batik. Ruang positif merujuk kepada kawasan yang diisi dengan motif atau corak, manakala ruang negatif merujuk kepada kawasan kosong atau latar. Hubungan antara ruang positif dan negatif mempengaruhi keselesaan visual, keseimbangan dan kejelasan reka bentuk kain. Ruang kosong bukan sekadar kawasan yang tidak bermotif, tetapi berperanan sebagai ruang rehat visual yang membantu menonjolkan motif utama.

Kain batik yang terlalu padat dengan motif boleh kelihatan sarat dan kurang mempunyai ruang rehat visual. Sebaliknya, kain yang mempunyai ruang kosong terlalu luas pula mungkin kelihatan kurang lengkap atau kurang mempunyai kekuatan visual (Udale, 2020). Oleh itu, keseimbangan antara ruang bermotif dan ruang kosong penting dalam reka letak permukaan kain batik. Dalam konteks aplikasi pakaian, organisasi ruang pada kain juga berpotensi mempengaruhi bahagian mana yang sesuai dijadikan tumpuan visual apabila kain tersebut digunakan dalam reka bentuk pakaian.

Susunan Motif, Arah Corak dan Aliran Visual

Susunan motif dan arah corak memainkan peranan penting dalam menentukan aliran visual pada permukaan kain batik. Arah corak boleh berbentuk menegak, melintang, menyerong, berpusat, berulang

atau bebas (Che Ya et al., 2022). Arah yang jelas dapat membantu membina ritma dan pergerakan visual, manakala arah yang tidak konsisten boleh menyebabkan permukaan kain kelihatan tidak tersusun. Analisis arah corak penting kerana susunan motif, warna dan garisan boleh mencadangkan arah pembacaan visual pada kain.

Dalam reka letak kain batik, motif utama dan motif sokongan perlu mempunyai hubungan visual yang jelas. Motif utama berfungsi sebagai tumpuan, manakala motif sokongan berperanan mengisi ruang dan membina kesatuan reka bentuk (Guntur et al., 2023). Sekiranya motif sokongan terlalu dominan, motif utama boleh tenggelam. Sebaliknya, jika motif sokongan terlalu lemah, reka bentuk kain mungkin kelihatan tidak lengkap. Hubungan ini menjadi asas kepada pembentukan hierarki visual dalam reka letak permukaan kain batik.

Kain Batik Kontemporari sebagai Asas Reka Bentuk Pakaian

Kain batik kontemporari semakin digunakan dalam pelbagai bentuk reka bentuk pakaian dan produk kreatif. Dalam konteks ini, reka letak permukaan kain batik menjadi penting kerana susunan motif, arah corak dan organisasi ruang pada kain akan mempengaruhi potensi penggunaannya dalam reka bentuk lanjutan. Kain yang mempunyai reka letak permukaan yang seimbang lebih mudah disesuaikan dengan pelbagai bentuk reka bentuk pakaian. Reka letak yang teratur dan mudah dikenal pasti dapat membantu pengguna memahami kedudukan motif serta kesesuaiannya dengan bahagian-bahagian pakaian seperti badan hadapan, badan belakang, lengan dan kain atau skirt (Che Ya et al., 2025).

Walaupun kajian ini tidak memberikan tumpuan kepada pakaian yang telah siap dijahit, potensi aplikasi kain batik dalam reka bentuk pakaian kontemporari tetap relevan untuk dibincangkan. Kajian terdahulu mendapati bahawa reka letak batik sedia ada boleh menyebabkan motif tidak seimbang pada pakaian, terpotong atau tidak bersambung selepas proses jahitan, selain menghasilkan lebihan atau kekurangan fabrik bagi saiz pakaian tertentu (Che Ya et al., 2023). Hal ini kerana kain batik yang mempunyai motif terlalu besar, ruang tidak seimbang atau arah corak yang kurang jelas mungkin menimbulkan cabaran apabila digunakan dalam proses reka bentuk pakaian (Che Ya et al., 2022). Kajian terdahulu yang meneliti reka letak fabrik batik untuk pakaian wanita turut menunjukkan bahawa susunan pola dan permukaan kain memberi kesan terhadap penggunaan fabrik dan hasil visual pakaian (Che Ya et al., 2025). Justeru, pemerhatian terhadap reka letak permukaan kain batik dapat menjadi asas awal untuk menilai kesesuaian kain tersebut dalam konteks reka bentuk kontemporari.

Dalam reka bentuk tekstil bercetak, corak yang berulang dan motif yang ditempatkan pada kawasan tertentu menghasilkan pertimbangan reka letak yang berbeza. Corak berulang membentuk kesinambungan visual melalui pengulangan unit motif, manakala penempatan motif tertentu mewujudkan kawasan tumpuan yang bergantung pada kedudukan, skala dan ruang di sekelilingnya (Russell, 2021). Perbezaan ini penting apabila kain dilihat sebagai bahan untuk pakaian. Pada kain bercorak berulang, persoalan yang timbul ialah bagaimana kesinambungan corak mungkin berubah apabila bahagian kain dipisahkan dan dicantumkan. Pada kain yang mempunyai motif tertumpu atau sempadan, persoalannya ialah bahagian pakaian yang mungkin menerima motif tersebut apabila pola diletakkan. Kedua-duanya memerlukan pemerhatian pada keseluruhan permukaan kain kerana penelitian terhadap satu motif sahaja tidak menunjukkan hubungan motif itu dengan kawasan kain yang lain.

Struktur kain pasang juga perlu diambil kira dalam pembacaan reka letak. Kain pasang mempunyai ukuran dan sempadan permukaan yang tertentu, oleh itu, kedudukan motif pada bahagian atas, tengah, bawah atau penjuru membawa makna yang berbeza daripada taburan motif yang seragam (Wahyuningsih et al., 2024). Sebagai contoh, sempadan bercorak di bahagian bawah kekal sebagai ciri reka letak kain walaupun belum ditentukan bahagian pakaian yang akan menggunakan kawasan tersebut.

Begitu juga, ruang latar yang luas di bahagian atas perlu dibaca bersama motif yang tertumpu di bahagian bawah untuk memahami keseimbangan seluruh kain. Dalam kajian ini, perbezaan antara corak berulang, sempadan dan motif tertumpu digunakan untuk memandu pemerhatian terhadap empat kain pasang. Tafsiran tentang kedudukannya pada pakaian masih bersifat cadangan kerana penempatan pola, pemotongan dan pakaian siap tidak diuji.

Sintesis Literatur dan Kerangka Konsep Kajian

Kajian berkaitan batik kontemporari telah membincangkan pengolahan motif dan nilai estetik dalam penghasilan reka bentuk batik (Abdullah et al., 2019; Poon, 2020). Perbincangan reka bentuk permukaan tekstil pula memberi perhatian kepada hubungan motif dengan warna, skala, latar dan arah corak pada fabrik (Russell, 2021; Che Ya et al., 2022). Kedua-dua kelompok literatur ini penting, namun penelitian terhadap motif sebagai unsur tersendiri belum menerangkan sepenuhnya cara motif disusun pada keseluruhan kain pasang. Oleh itu, kajian ini meneliti hubungan antara kedudukan motif, ruang, komposisi dan aliran visual, bukannya mengenal pasti jenis motif semata-mata.


Prinsip imbangan, penegasan, ritma dan kesatuan membantu menjelaskan kesan susunan elemen pada permukaan kain (Lidwell et al., 2023). Dalam analisis kain pasang, prinsip tersebut perlu dibaca bersama organisasi ruang positif dan negatif serta jenis reka letak seperti susunan tertumpu, bersempadan dan berulang. Sebagai contoh, motif yang tertumpu di bahagian bawah boleh menghasilkan penegasan, tetapi kesan keseimbangan visualnya turut bergantung pada skala motif dan keluasan ruang latar. Pengulangan pula boleh membentuk ritma, namun kehadiran sempadan atau motif utama mungkin mengubah tumpuan dan arah pandangan. Hubungan antara aspek-aspek inilah yang menjadi asas kepada petunjuk dalam senarai semak pemerhatian visual.

Kajian terdahulu penulis meneliti hubungan batik dengan pakaian melalui tiga sudut yang berbeza. Che Ya et al. (2022) mengkaji keperluan reka bentuk penggredan pola bagi kain batik pakaian wanita di Terengganu melalui pemerhatian dan temu bual dengan penggiat batik. Kajian tersebut menjelaskan isu penggredan pola dan penggunaan kain, tetapi tidak menjadikan hubungan motif, ruang dan arah corak pada keseluruhan permukaan empat kain pasang sebagai unit analisis. Che Ya et al. (2023) pula meneliti susunan pola baju kurung tradisional pada kain batik sedia ada, termasuk persoalan kesinambungan corak dan penggunaan fabrik apabila kain diterapkan pada pola pakaian. Tumpuannya ialah hubungan antara pola pakaian dengan kain; oleh itu, analisis sistematik terhadap variasi reka letak kain pasang sebelum penempatan pola masih boleh diperincikan. Seterusnya, Che Ya et al. (2025) mengkaji pengetahuan dan pengalaman pengguna tentang reka letak kain batik untuk pakaian wanita. Perspektif pengguna membantu menjelaskan cara reka letak difahami, tetapi tidak menggantikan pemerhatian terperinci terhadap kedudukan motif, taburan ruang dan aliran visual pada sampel kain itu sendiri.

Ketiga-tiga kajian tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara reka letak batik dan aplikasi pakaian mempunyai dimensi pengeluaran, penyusunan pola dan pengalaman pengguna. Kajian semasa mengisi ruang yang lebih khusus pada peringkat sebelum pemotongan kain: empat kain pasang dibandingkan sebagai permukaan visual yang lengkap dengan menggunakan item pemerhatian yang sama. Perbandingan ini membolehkan persamaan dan perbezaan reka letak dihuraikan berdasarkan jenis susunan, skala motif, sempadan, ruang latar dan arah corak. Sumbangan kajian ini terletak pada huraian hubungan antara ciri tersebut, bukannya pada pembuktian bahawa sesuatu reka letak menghasilkan pakaian yang lebih baik atau mengurangkan lebihan kain.

Rajah 1

Kerangka konsep analisis visual reka letak permukaan kain pasang batik



Rajah 1 menunjukkan hubungan antara prinsip reka bentuk, organisasi ruang dan jenis reka letak dengan lapan item senarai semak pemerhatian visual. Catatan bagi empat sampel kain pasang kemudian disusun mengikut lima aspek analisis perbandingan rentas sampel. Implikasi awal terhadap aplikasi pakaian ditafsir berdasarkan ciri kain. Penempatan pola dan hasil pakaian siap tidak diuji. Kaedah pemilihan sampel serta proses pemerhatian dan analisis dihuraikan dalam bahagian seterusnya.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis visual awal terhadap empat sampel kain pasang batik kontemporari. Unit analisis ialah reka letak pada keseluruhan permukaan setiap kain, meliputi susunan motif, komposisi, organisasi ruang dan arah corak. Pemerhatian visual dipilih kerana kaedah ini membolehkan hubungan antara elemen pada permukaan kain dihuraikan secara sistematik (Rose, 2016; Aliyya & Destiarmand, 2026). Empat sampel digunakan bagi membolehkan perbandingan terperinci antara beberapa jenis susunan yang berbeza. Bilangan ini sesuai untuk tujuan penerokaan awal (Impellizzeri et al., 2026), tetapi dapatan tidak bertujuan mewakili keseluruhan kain batik kontemporari.

Sampel

Empat sampel kain pasang batik dari Terengganu dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan variasi susunan motif, organisasi ruang dan arah corak. Sampel diperoleh melalui pembelian serta koleksi rakan penyelidik. S1, S3 dan S4 masing-masing berukuran 4.00 meter × 45 inci, manakala S2

berukuran 4.15 meter × 45 inci. S1, S2 dan S4 dihasilkan menggunakan teknik canting, sementara S3 menggunakan teknik blok. Setiap sampel dikodkan sebagai S1 hingga S4 untuk tujuan pemerhatian dan perbandingan. Pemilihan empat sampel membolehkan ciri reka letak yang berbeza dihuraikan secara terperinci, tetapi dapatan tidak bertujuan mewakili keseluruhan kain batik kontemporari. Profil sampel ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Profil empat sampel kain pasang batik dari Terengganu.

Sampel	Panjang × lebar	Negeri asal	Teknik penghasilan	Ciri susunan yang diperhatikan
S1	4.00 meter × 45 inci	Terengganu	Canting	Motif tertumpu pada bahagian bawah dan penjuru
S2	4.15 meter × 45 inci	Terengganu	Canting	Motif flora bersempadan pada bahagian bawah
S3	4.00 meter × 45 inci	Terengganu	Blok	Motif geometri berulang dengan sempadan di bahagian bawah
S4	4.00 meter × 45 inci	Terengganu	Canting	Motif tertumpu pada bahagian bawah dan penjuru

Maklumat pengeluar sampel tidak direkodkan. Teknik canting dan blok dinyatakan sebagai ciri profil sampel; kajian ini tidak membandingkan proses penghasilan atau mutu kedua-dua teknik tersebut.

Rajah 2

Sampel kain batik kontemporari yang dianalisis dalam kajian



Nota. S1, S2, S3 dan S4 merupakan sampel berkod yang digunakan untuk pemerhatian visual. Sumber: Koleksi penyelidik, 2026.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah senarai semak pemerhatian visual yang mengandungi lapan item: motif utama, motif sokongan, susunan motif, komposisi visual, organisasi ruang, arah corak, skala motif dan implikasi awal aplikasi pakaian. Item yang sama digunakan untuk memandu pemerhatian terhadap S1 hingga S4. Senarai semak ini tidak melalui semakan pakar atau ujian rintis formal. Oleh itu, penggunaannya dalam kajian ini terhad sebagai panduan pemerhatian awal; kesesuaian instrumen perlu dinilai lebih lanjut dalam kajian susulan.

Jadual 2
Senarai semak pemerhatian visual

Bil.	Aspek Pemerhatian	Fokus Pemerhatian
1	Motif utama	Kedudukan, saiz, penegasan dan peranan motif utama
2	Motif sokongan	Hubungan motif sokongan dengan motif utama
3	Susunan motif	Taburan motif tertumpu, bersempadan atau berulang pada permukaan kain
4	Komposisi visual	Hubungan antara kedudukan motif, skala, kontras, penegasan dan taburan ruang
5	Organisasi ruang	Ruang positif, ruang negatif, kepadatan motif dan ruang kosong
6	Arah corak	Orientasi motif dan garisan, serta aliran visual yang ditafsir daripada susunannya
7	Skala motif	Saiz relatif motif utama dan motif sokongan pada keseluruhan kain
8	Implikasi awal aplikasi pakaian	Persoalan penempatan motif, sempadan atau kesinambungan corak yang timbul daripada reka letak kain

Nota. Senarai semak dibina berdasarkan aspek pemerhatian dalam kerangka konsep kajian.

Jadual 3
Pemetaan Item Senarai Semak kepada Lima Aspek Analisis

Aspek analisis	Item senarai semak yang digunakan
Susunan motif	Motif utama, motif sokongan, susunan motif, skala motif
Keseimbangan komposisi visual	Komposisi visual, motif utama, motif sokongan dan skala motif
Organisasi ruang positif dan negatif	Organisasi ruang, susunan motif
Arah corak dan aliran visual	Arah corak, susunan motif
Implikasi awal terhadap pakaian	Aplikasi Implikasi awal aplikasi pakaian, ditafsir bersama susunan motif, organisasi ruang dan arah corak

Lapan item digunakan untuk mencatat ciri yang kelihatan pada setiap kain, manakala lima aspek analisis menyusun perbandingan antara sampel. Sesetengah item menyumbang kepada lebih daripada satu aspek analisis. Aspek analisis kelima berbeza daripada empat aspek analisis visual yang lain kerana ia merumuskan persoalan aplikasi pakaian berdasarkan ciri kain, aspek analisis tersebut bukan hasil ujian pada pola atau pakaian siap.

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Pemerhatian dibuat terhadap keseluruhan permukaan setiap kain pasang yang dikodkan sebagai S1, S2, S3 dan S4. Lapan item dalam senarai semak yang sama digunakan bagi setiap sampel supaya ciri yang dicatat dapat dibandingkan secara konsisten. Bagi motif utama dan motif sokongan, catatan menumpukan kedudukan, skala dan hubungan antara kedua-duanya. Bagi susunan motif, pemerhatian membezakan kawasan bermotif tertumpu, sempadan bercorak dan corak yang berulang pada permukaan kain. Komposisi visual dan organisasi ruang dicatat melalui hubungan antara kawasan bermotif, ruang latar dan tumpuan visual; arah corak pula dihuraikan berdasarkan garisan serta susunan motif yang kelihatan. Item potensi aplikasi pakaian digunakan untuk mengenal pasti perkara yang perlu dipertimbangkan sekiranya kain tersebut digunakan bersama pola pakaian, dan bukan untuk menilai pakaian siap.

Catatan S1 hingga S4 disusun mengikut item senarai semak sebelum dihuraikan bagi setiap sampel. Gambar sampel dirujuk semula semasa penyediaan huraian agar pernyataan tentang kedudukan motif, ruang dan arah corak dapat disemak terhadap permukaan kain yang diperhatikan. Catatan bagi item

yang sama kemudian dibandingkan antara empat sampel untuk mengenal pasti persamaan serta perbezaan. Sebagai contoh, perbandingan susunan motif meneliti sama ada motif tertumpu pada kawasan tertentu atau berulang pada hampir keseluruhan kain; perbandingan organisasi ruang pula meneliti hubungan kawasan bermotif dengan ruang latar. Perbandingan ini bersifat deskriptif dan tidak melibatkan pengiraan keluasan motif atau ukuran tindak balas pemerhati.

Seterusnya, catatan pemerhatian disusun mengikut lima aspek analisis yang ditetapkan berdasarkan kerangka konsep dan item senarai semak dalam Jadual 3, iaitu susunan motif, keseimbangan komposisi visual, organisasi ruang positif dan negatif, arah corak dan aliran visual, serta implikasi awal terhadap aplikasi pakaian. Catatan bagi setiap aspek dibandingkan antara S1 hingga S4 untuk menghuraikan persamaan dan perbezaan reka letak. Satu item senarai semak boleh menyumbang kepada beberapa aspek; sebagai contoh, skala motif membantu menjelaskan susunan motif dan keseimbangan komposisi. Implikasi awal aplikasi pakaian ditafsir daripada ciri kain yang diperhatikan. Kajian ini tidak melibatkan penempatan pola, pemotongan atau penilaian pakaian siap; oleh itu, implikasi tersebut merupakan persoalan untuk diuji dalam kajian lanjutan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada empat sampel kain pasang dari Terengganu yang dipilih secara bertujuan dan dianalisis melalui pemerhatian visual. Dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua kain batik kontemporari. Senarai semak tidak melalui semakan pakar atau ujian rintis formal, manakala maklumat pengeluar sampel tidak direkodkan. Kajian juga tidak menilai proses penghasilan batik atau menguji kesan reka letak terhadap pakaian yang telah siap dijahit. Oleh itu, implikasi aplikasi pakaian yang dibincangkan perlu diuji dalam kajian lanjutan.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemerhatian Visual terhadap S1–S4

Jadual 4 merumuskan pemerhatian visual terhadap empat sampel berdasarkan susunan motif, komposisi dan ruang, arah corak serta implikasi awal terhadap aplikasi pakaian. Dalam analisis ini, keseimbangan visual merujuk kepada hubungan antara kedudukan dan skala motif, kontras serta taburan ruang pada keseluruhan kain; keseimbangan tidak semestinya bermaksud susunan simetri. Penegasan merujuk kepada kawasan yang paling menonjol melalui saiz, kedudukan atau kontras motif. Ruang positif ialah kawasan yang diisi motif, manakala ruang negatif ialah kawasan latar yang tidak dipenuhi motif. Aliran visual merujuk kepada arah pandangan yang dicadangkan oleh susunan motif dan garisan pada kain. Istilah ini digunakan untuk menghuraikan pemerhatian visual, bukan sebagai ukuran kuantitatif atau penilaian pengguna. Jadual 4 menyusun ringkasan pemerhatian mengikut sampel. Bagi menjimatkan ruang jadual, keseimbangan komposisi dan organisasi ruang dihimpunkan dalam satu lajur; kedua-duanya dibincangkan secara berasingan mengikut lima aspek analisis dalam subseksyen berikutnya.

Jadual 4
Analisis pemerhatian visual terhadap S1–S4

Sampel	Susunan Motif	Keseimbangan Komposisi dan Organisasi Ruang	Arah Corak dan Aliran Visual	Implikasi Awal terhadap Aplikasi Pakaian
S1	Motif tertumpu pada bahagian bawah dan penjuru kain; motif putih beralun dan flora bersaiz besar menjadi tumpuan visual utama.	Kontras warna merah dan putih yang kuat menghasilkan penegasan visual yang jelas. Ruang negatif yang luas kelihatan pada bahagian atas dan tengah kain.	Aliran visual beralun, menaik dan dinamik terbentuk melalui garisan lengkung berwarna putih.	Kedudukan motif besar dan ruang latar perlu dipertimbangkan ketika meletakkan pola pakaian.
S2	Motif flora membentuk sempadan pada bahagian bawah dengan motif kecil pada bahagian kiri atas dan tengah atas kain.	Kontras warna yang lembut menghasilkan kesan harmoni dan elegan. Ruang negatif sederhana luas.	Aliran mendatar mendominasi bahagian bawah, dengan penegasan kecil secara menegak pada bahagian tengah atas.	Kedudukan sempadan flora perlu dipertimbangkan pada bahagian pakaian yang dirancang.
S3	Motif geometri kecil memenuhi hampir keseluruhan permukaan kain, disokong oleh sempadan motif flora atau daun pada bahagian bawah.	Komposisi padat dan berstruktur. Ruang positif mendominasi permukaan kain, manakala ruang negative terhad.	Aliran berulang yang statik kelihatan pada bahagian atas, manakala sempadan bawah menghasilkan pergerakan organik.	Penempatan sempadan dan kesinambungan corak berulang pada sambungan jahitan merupakan persoalan untuk diuji.
S4	Motif putih bersaiz besar tertumpu pada bahagian bawah dan penjuru kain, manakala bahagian atas dibiarkan lebih kosong.	Kontras warna hitam dan putih yang tinggi menghasilkan penegasan dramatik. Ruang negatif sangat dominan pada bahagian atas kain.	Aliran beralun dan memanjang bergerak secara mendatar pada bahagian bawah; motif di penjuru membantu mewujudkan keseimbangan.	Taburan motif besar dan ruang latar perlu dipertimbangkan apabila pola pakaian diletakkan.

Nota. Analisis ini adalah berdasarkan pemerhatian visual terhadap empat sampel yang dikodkan sebagai S1, S2, S3 dan S4. Pertimbangan aplikasi pakaian merupakan tafsiran berdasarkan kain dan belum diuji pada pakaian siap.

Susunan Motif pada Permukaan Kain Batik

Pemerhatian terhadap S1–S4 memperlihatkan dua kecenderungan susunan, iaitu motif yang tertumpu pada kawasan tertentu dan corak yang berulang pada hampir seluruh permukaan kain. Walau bagaimanapun, pengelasan ini hanya menerangkan taburan umum motif. Dalam kelompok motif tertumpu, S2 membentuk tumpuan melalui sempadan flora pada bahagian bawah kain, sedangkan S1 dan S4 turut menggunakan motif berskala besar pada bahagian bawah serta penjuru. Oleh itu, tiga sampel tersebut tidak menghasilkan komposisi yang sama walaupun berkongsi kecenderungan susunan. Kedudukan motif, skala dan hubungan dengan ruang latar perlu dibaca bersama untuk membezakan cara setiap kain membentuk tumpuan visual.

S3 pula menunjukkan bahawa corak berulang tidak semestinya menghasilkan permukaan yang seragam sepenuhnya. Pengulangan motif geometri membentuk ritma pada sebahagian besar kain, sementara sempadan di bahagian bawah memperkenalkan kawasan visual yang berbeza. Perbandingan ini memperlihatkan kegunaan membezakan antara pengulangan corak dengan penempatan motif tertentu dalam reka bentuk tekstil bercetak (Russell, 2021). Pada kain pasang yang dikaji, kedua-dua pendekatan itu juga boleh hadir dalam satu permukaan, seperti pada S3. Dapatan ini memperincikan perbincangan tentang pengolahan motif batik kontemporari (Abdullah et al., 2019) dengan menunjukkan bahawa kesan motif turut bergantung pada kedudukan motif berhubung dengan bahagian kain yang lain, bukan pada bentuk motif secara berasingan.

Keseimbangan Komposisi Visual

Keseimbangan komposisi dalam kajian ini tidak ditentukan oleh kesimetrian atau jumlah motif sematamata. Ia ditafsir melalui hubungan antara skala dan kedudukan motif, kontras warna serta taburan ruang pada keseluruhan kain. S1 dan S4, misalnya, sama-sama menonjolkan motif besar melalui kontras

yang kuat, tetapi kesan komposisinya perlu dibaca bersama keluasan ruang latar dan arah motif pada setiap kain. S2 pula membentuk penegasan yang lebih lembut melalui sempadan flora. Pada S3, pengulangan motif kecil menghasilkan ritma yang lebih padat, sementara sempadan bawah membezakan satu bahagian permukaan daripada bahagian yang lain. Maka, setiap sampel boleh menunjukkan hubungan visual yang teratur melalui cara penyusunan yang berbeza (Lidwell et al., 2023).

Perbandingan ini menunjukkan mengapa label seperti "seimbang" atau "tidak seimbang" sahaja kurang memadai untuk menerangkan kain pasang. Pada kain dengan motif tertumpu, pemerhatian perlu menjelaskan bagaimana kawasan tumpuan berhubung dengan ruang latar. Pada kain bercorak lebih padat, pemerhatian perlu menjelaskan bagaimana pengulangan dan perubahan corak antara kawasan membentuk kesatuan komposisi. Tafsiran ini selaras dengan pendekatan yang membaca elemen visual melalui hubungan kedudukan dan komposisinya (Kress & van Leeuwen, 2021). Namun, penilaian keseimbangan di sini ialah tafsiran penyelidik terhadap kain, bukan hasil pengukuran persepsi pengguna atau bukti bahawa komposisi tersebut akan kekal seimbang setelah kain dijahit menjadi pakaian.

Organisasi Ruang Positif dan Negatif

Perbezaan taburan ruang paling jelas apabila S3 dibandingkan dengan tiga sampel yang lain. Pada S3, kawasan bermotif menguasai hampir seluruh permukaan, menyebabkan pembacaan visual lebih tertumpu pada pengulangan corak dan perbezaan antara corak tersebut dengan sempadan bawah. Sebaliknya, ruang latar yang lebih luas pada S1, S2 dan S4 membantu memisahkan kawasan bermotif daripada kawasan lain pada kain. Ruang negatif dalam sampel tersebut bukan sekadar bahagian yang tidak dihias; hubungannya dengan kedudukan serta skala motif membantu membentuk penegasan visual.

Walaupun S1, S2 dan S4 berkongsi ruang latar yang luas, kesannya tidak boleh dianggap serupa. Pada S2, ruang latar dibaca dalam hubungan dengan sempadan flora di bahagian bawah. Pada S1 dan S4, ruang tersebut berhubung dengan motif besar yang tertumpu di bahagian bawah dan penjuru. Oleh itu, perbandingan ruang positif dan negatif perlu mengambil kira di mana ruang itu berada serta elemen yang bersebelahan dengannya, bukan hanya sama ada permukaan kelihatan padat atau kosong. Pembacaan hubungan antara ruang, kedudukan dan tumpuan ini selaras dengan pendekatan analisis komposisi visual (Kress & van Leeuwen, 2021; Rose, 2016). Kajian ini tidak mengukur keluasan setiap kawasan secara berangka, maka istilah seperti "lebih luas" dan "dominan" merujuk kepada pemerhatian visual terhadap empat sampel.

Arah Corak dan Aliran Visual

Arah corak pada empat sampel tidak terbentuk dengan cara yang sama. Garisan beralun pada S1 dan S4 mencadangkan pergerakan pandangan sepanjang kawasan bermotif, tetapi kedudukan serta hubungan garisan tersebut dengan motif besar perlu diperhatikan pada setiap kain. Pada S2, sempadan flora di bahagian bawah membentuk arah mendatar yang lebih jelas. S3 pula menggabungkan pengulangan geometri pada sebahagian besar permukaan dengan sempadan bermotif organik di bahagian bawah. Peralihan antara kedua-dua kawasan ini menjadikan aliran visual S3 berbeza daripada aliran yang dibentuk oleh motif tertumpu pada S1, S2 dan S4.

Perbandingan tersebut menunjukkan bahawa "arah corak" merujuk kepada orientasi susunan yang kelihatan pada kain, manakala "aliran visual" ialah tafsiran tentang bagaimana susunan itu boleh menghubungkan satu kawasan dengan kawasan lain. Arah mendatar, garisan beralun dan pengulangan tidak semestinya membawa mata setiap pemerhati mengikut laluan yang sama. Dalam kajian ini, istilah aliran visual digunakan untuk menghuraikan hubungan antara motif, garisan dan sempadan berdasarkan pemerhatian penyelidik, selaras dengan pembacaan komposisi melalui kedudukan serta hubungan elemen visual (Kress & van Leeuwen, 2021).

Jadual 5

Perbandingan rentas sampel berdasarkan reka letak permukaan kain batik

Aspek	S1	S2	S3	S4
Jenis susunan	Motif tertumpu di bawah dan penjuru	Sempadan flora dibawah	Corak berulang pada hampir seluruh permukaan; sempadan di bawah	Motif tertumpu di bawah dan penjuru
Taburan ruang	Ruang negatif luas	Ruang negatif sederhana luas	Ruang positif dominan	Ruang negatif dominan di bahagian atas
Penegasan	Motif putih besar dan garisan beralun	Sempadan flora	Perbezaan corak geometri dengan sempadan bawah	Motif putih besar pada latar hitam
Aliran visual	Beralun dan menaik	Terutamanya mendatar	Berulang di bahagian atas; organik di bawah	Beralun dan mendatar di bawah
Persoalan untuk diuji pada pakaian	Kedudukan motif besar apabila pola diletakkan	Kedudukan sempadan pada bahagian pakaian	Kesinambungan corak pada sambungan jahitan	Taburan motif dan ruang kosong pada pakaian

Perbandingan rentas sampel dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa kategori "motif tertumpu" dan "corak berulang" berguna sebagai titik mula, tetapi belum cukup untuk menerangkan keseluruhan reka letak. S1, S2 dan S4 tergolong dalam kecenderungan pertama, namun bentuk tumpuan pada S2 dibina oleh sempadan bawah, sementara S1 dan S4 lebih bergantung pada motif besar serta hubungannya dengan ruang latar. S3 pula menggabungkan corak yang berulang dengan sempadan bawah. Dengan itu, perbezaan antara sampel tidak terletak pada jenis susunan semata-mata; kedudukan, skala, ruang, kontras dan arah perlu ditafsir sebagai unsur yang saling berhubung.

Pembacaan keseluruhan permukaan kain pasang ini memperincikan perbincangan tentang nilai estetik dan pengolahan motif batik kontemporari (Abdullah et al., 2019). Ia juga memberi asas visual untuk meneliti persoalan penempatan motif dan kesinambungan corak yang timbul apabila kain digunakan bersama pola pakaian, seperti dibincangkan oleh Che Ya et al. (2023). Namun, hubungan tersebut pada peringkat ini ialah hubungan antara dapatan pemerhatian dengan persoalan kajian lanjutan. Pemerhatian pada kain pasang sahaja belum menunjukkan rupa motif selepas pemotongan dan jahitan, atau jumlah kain yang akan digunakan.

Implikasi Awal terhadap Aplikasi Pakaian

Berdasarkan pemerhatian visual, motif besar pada S1 dan S4 menimbulkan persoalan tentang kedudukannya apabila pola pakaian diletakkan pada kain. Sempadan bawah S2 memerlukan pertimbangan tentang bahagian pakaian yang akan menerima sempadan tersebut. Pada S3, corak berulang menimbulkan persoalan tentang kesinambungan corak pada sambungan jahitan. Perkara ini merupakan implikasi reka letak terhadap perancangan aplikasi pakaian.

Persoalan ini memberi arah yang lebih khusus untuk kajian pakaian seterusnya. Bagi S1 dan S4, penempatan pola boleh diuji untuk melihat bahagian pakaian yang menerima motif besar dan

bahagian yang mengekalkan ruang latar. Bagi S2, kedudukan sempadan bawah boleh dibandingkan apabila pola diletakkan pada bahagian pakaian yang berbeza. Bagi S3, hasil cantuman boleh diperhatikan untuk menilai sama ada corak berulang kelihatan bersambung pada garis jahitan. Kajian semasa belum menjalankan mana-mana ujian tersebut. Oleh itu, pernyataan ini ialah cadangan perkara yang perlu diuji dan bukannya dapatan tentang kesesuaian pakaian, kesinambungan corak selepas jahitan atau pengurangan lebihan fabrik.

Sintesis Perbincangan

Perbandingan ini menunjukkan kegunaan senarai semak sebagai alat untuk menghuraikan kain pasang pada peringkat elemen dan hubungan antara elemen. Item seperti motif utama, motif sokongan dan skala membantu mengenal pasti elemen pada kain; item susunan, komposisi, ruang dan arah pula membantu menjelaskan hubungan antara elemen tersebut pada keseluruhan permukaan. Pemetaan item kepada aspek analisis membolehkan S1–S4 dibandingkan menggunakan soalan pemerhatian yang sama, walaupun setiap kain mempunyai bentuk tumpuan dan taburan corak yang berbeza. Dalam empat sampel ini, analisis reka letak menghasilkan huraian yang lebih khusus daripada pengelasan berdasarkan motif atau warna sahaja. Kegunaan kerangka ini untuk jenis kain batik yang lain masih perlu dinilai dengan sampel yang lebih pelbagai dan semakan lanjut terhadap instrumen.

KESIMPULAN

Kajian awal ini menunjukkan bahawa reka letak empat kain pasang yang diperhatikan tidak dapat diterangkan melalui jenis motif sahaja. Bagi objektif pertama, analisis mengenal pasti dua kecenderungan susunan, iaitu motif yang tertumpu pada kawasan tertentu dan corak yang berulang pada hampir seluruh permukaan. Namun, kain dalam kategori yang sama masih berbeza dari segi kedudukan tumpuan, skala motif dan hubungan dengan sempadan. Bagi objektif kedua, perbandingan menunjukkan bahawa susunan motif perlu dibaca bersama komposisi, taburan ruang positif dan negatif serta arah corak untuk memahami struktur visual keseluruhan kain.

Bagi objektif ketiga, analisis analisis ciri reka letak yang relevan apabila penggunaan kain dirancang untuk menghasilkan pakaian: kedudukan motif besar, penggunaan kawasan bersempadan, taburan ruang latar dan kemungkinan kesinambungan corak pada sambungan jahitan. Persoalan ini merupakan implikasi untuk diuji, bukan bukti tentang rupa atau kesesuaian pakaian siap. Sumbangan kajian ialah pendekatan pemerhatian yang menghubungkan item senarai semak dengan lima aspek analisis, lalu membolehkan perbezaan antara kain pasang dihuraikan secara lebih khusus daripada pemerhatian motif secara berasingan.

Dapatan kajian terhad kepada empat sampel dari Terengganu dan tafsiran visual penyelidik. Senarai semak belum melalui semakan pakar atau ujian rintis, dan kajian ini tidak melibatkan penempatan pola, pemotongan, jahitan atau penilaian pengguna. Kajian lanjutan wajar melibatkan sampel yang lebih pelbagai, menilai kesesuaian instrumen, mendapatkan pandangan pereka batik serta pereka fesyen, dan menguji sama ada persoalan reka letak yang dikenal pasti benar-benar mempengaruhi penempatan motif serta hasil pakaian.

Kajian lanjutan boleh meneliti pengetahuan dan pengalaman pereka dalam menentukan susun atur motif pada kain pasang serta menguji aplikasi reka letak tersebut pada baju kurung kontemporari wanita. Gabungan dapatan itu dengan pemerhatian visual berpotensi menjadi asas pembangunan kerangka analisis reka letak permukaan batik yang lebih menyeluruh.

ACKNOWLEDGMENTS

The researcher would like to express sincere appreciation to the Ministry of Higher Education Malaysia for its support, particularly to Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Temerloh Community College, and the Department of Polytechnic and Community College Education (JPPKK) for granting permission and providing support and cooperation throughout the implementation of this study. However, this research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or other sectors.

AUTHOR CONTRIBUTIONS

All authors contributed to the study conception and design. Material preparation, data collection, and analysis were performed by all authors.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare that they have no known competing financial interests or personal relationships that could have appeared to influence the work reported in this paper.

DATA AVAILABILITY

The data that support the findings of this study are available from the corresponding author upon reasonable request.

ETHICS STATEMENT

Informed consent was obtained from all individual participants included in the study.

REFERENCES

Abdullah, Z., Khan, S. M., Yahaya, S. R., & Manap, M. R. (2019). Ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasikan motif abstrak: The aesthetic values in the production of contemporary batik inspired by abstract motifs. Jurnal Pengajian Melayu, 30(1), 236-269.

Aliyya, E., & Destiarmand, A. H. (2026). Visual Grammar and Aesthetic Differentiation of Geometric, Organic and Hybrid Zentangle Motifs. International Journal of Multidisciplinary Research of Higher Education (IJMURHICA), 9(4), 1158–1172. https://doi.org/10.24036/ijmurhica.v9i4.665

Che Ya, M. S., Shaari, N., & Mansor, N. (2022). Pattern grading design for women's batik fabric in Terengganu, Malaysia: A preliminary study. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 12(10), 2211–2219. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i10/15459

Che Ya, M. S., Shaari, N., & Mansor, N. (2023). Visual observation of women's traditional baju kurung pattern grading arrangement layout on existing batik fabric to reduce fabric waste in Malaysia. Journal of Creative Industry and Sustainable Culture, 2, 66–80. https://doi.org/10.32890/jcisc2023.2.5

Che Ya, M. S., Shaari, N., & Mansor, N. (2025). User knowledge and experience on the existing batik fabric layout for women's clothing. Journal of Creative Industry and Sustainable Culture, 4, 334348. https://doi.org/10.32890/jcisc2025.4.20

Guntur, G., Ponimin, P., & Purnomo, M. A. J. (2023). Innovation and creativity in batik motif design: A study of students' art theses. Creativity Studies, 16(2), 668–681. https://doi.org/10.3846/cs.2023.14838

Impellizzeri, F. M., Murphy, J., Mesquida, C., Warne, J., Hecksteden, A., Batomen, B., ... & Lakens, D. (2026). Introducing a new "Preliminary Report" submission category for small-sample intervention studies: Rationale and instructions. Science and Medicine in Football, 10(1), 1-11. https://doi.org/10.1080/24733938.2025.2580319

Kress, G., & van Leeuwen, T. (2021). Reading images: The grammar of visual design (3rd ed.). Routledge. Lidwell, W., Holden, K., & Butler, J. (2023). Universal principles of design (3rd ed.). Rockport Publishers.

Poon, S. (2020). Symbolic resistance: Tradition in batik transitions sustain beauty, cultural heritage and status in the era of modernity. World Journal of Social Science, 7(2), 1–10. https://doi.org/10.5430/wjss.v7n2p1

Rose, G. (2016). Visual methodologies: An introduction to researching with visual materials (4th ed.). SAGE Publications.

Russell, A. (2021). The fundamentals of printed textile design (2nd ed.). Bloomsbury Publishing.

Shaharuddin, S. I., Shamsuddin, M. S., Drahman, M. H., Hasan, Z., Asri, M. N. A., Nordin, A. A., & Shaffiar, N. M. (2021). A review on the Malaysian and Indonesian batik production, challenges, and innovations in the 21st century. SAGE Open, 11(3), 1-19. https://doi.org/10.1177/21582440211040128

Udale, J. (2020). Textiles and fashion: Exploring printed textiles, knitwear, embroidery, menswear and womenswear (2nd ed.). Bloomsbury Visual Arts.

Wahed, W. J. E., Amin, H., Bohari, A. A. M., Pindah, C., & Azmi, S. (2022). Malaysian batik, our pride: A systematic literature review. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 12(10), 894–910. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i10/14950

Wahyuningsih, U., Suhartini, R., Widjaja, A., & Ramadhani, B. Y. A. (2024). The application of "nyanggit ngathok" batik patterns on batik fabric in the klampar batik village umkm as a batik tourism attraction in madura. Transformasi: Jurnal Pengabdian Masyarakat, 20(1), 158-169. https://doi.org/10.20414/transformasi.v20i1.9389